



Ranking Universiti Dunia QS

37 subjek UM tersenarai dalam penarafan

Kuala Lumpur: Universiti Malaya (UM) menunjukkan prestasi paling memberangsangkan dalam Ranking Universiti Dunia Quacquarelli Symonds (QS) oleh Subject 2022 dengan 37 subjek ditawarkan tersenarai dalam penarafan berkenaan.

Ia diikuti oleh Universiti Kebangsaan Malaysia (25 subjek), Universiti Putra Malaysia (24) dan masing-masing 17 subjek bagi Universiti Sains Malaysia dan Universiti Teknologi Malaysia.

Tiga universiti berada di kedudukan 30 teratas berdasarkan subjek iaitu program Kejuruteraan Petroleum di Universiti Teknologi Petronas (UTP) yang berada di tempat ke-22, Universiti Malaya melalui program Perpustakaan dan Pengurusan Maklumat di tangga ke-28 dan Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) melalui program pengajian Teologi, Ketuhanan & Pengajian Agama (tempat ke-28).

Kedudukan terkini itu turut menampilkan 10 jabatan universiti di Malaysia yang tersenarai di antara 50 terbaik dunia, berbanding lapan jabatan pada tahun lalu.

Bagaimanapun, subjek Kejuruteraan Mineral dan Perlombongan di UTP yang sebelum ini berada dalam senarai 50 teratas, gagal menempatkan diri dalam edisi tahun ini.

Tempat itu bagaimanapun diisi subjek Teologi, Ketuhanan &

Pengajian Agama yang ditawarkan UM, selain subjek Hospitality and Leisure Management di Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan Universiti UCSI.

Selain itu, tiga subjek baharu UiTM turut tersenarai dalam penarafan itu iaitu Kejuruteraan Kimia, Pertanian dan Perhutanan dan Undang-Undang.

Untuk rekod, laporan dikeluarkan badan penarafan institusi pengajian tinggi antarabangsa itu dibuat berdasarkan kepada empat petunjuk utama, iaitu reputasi akademik, reputasi majikan, petikan setiap kajian dan H-Index.

Penarafan pada kali ini memabitkan 1,543 universiti dari 88 lokasi di seluruh dunia dalam 51 subjek yang telah dikategorikan kepada lima bidang subjek yang luas.

Mengikut laporan edisi ke-12 QS yang dikeluarkan pada Rabu lalu itu, terdapat peningkatan berbanding tahun sebelumnya bagi bilangan program di universiti tanah air yang mencapai kedudukan 50 teratas, 100 teratas dan 200 teratas.

"Malaysia berada di tempat kelima di Asia untuk bilangan program yang tersenarai kali ini iaitu 207 program (peningkatan sebanyak 25 program berbanding tahun lalu) dan di tempat keenam bagi kedudukan pada peringkat universiti," kata Pengarah Penyelidikan di QS, Ben Sowter dalam satu kenyataan kelmarin.